

MAHATHIR-RUSSIA

1983

BANGI, 10 APRIL (BERNAMA) --- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENSIFATKAN AMARAN RUSSIA TERHADAP NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN SEBAGAI SATU +DALEH UNTUK BERTAPAK DI RANTAU SEBELAH SINI.+

KATANYA AMARAN RUSSIA ITU TIDAK MEMERANJATKAN MALAYSIA KERANA NEGARA TERSEBUT SUDAH LAMA MENUNGGU DAN Mencari ketika yang sesuai untuk bertapak di rantau ini.

SELAMA INI MEREKA TIDAK DAPAT BERTAPAK DI RANTAU ASEAN KERANA PENDIRIAN ASEAN YANG TEGAS, TAMBAHNYA KETIKA DITEMUI OLEH PARA PEMBERITA DI SINI.

TIMBALAN MENTERI LUAR RUSSIA, ENCİK MIKAIL KAPITSA, TELAH MEMBERI AMARAN TENTANG KEMUNGKINAN KERUNTUHAN INFRASTRUKTUR NEGARA-NEGARA DI ASIA TENGGARA JIKA KONFRANTASI ASEAN DENGAN VIETNAM DAN SEKUTU-SEKUTUNYA TIDAK DISELESAIKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA RUSSIA JUGA TELAH MEMBERIKAN AMARAN YANG HAMPİR SERUPA SEBELUM IA MENCEROBOH MASUK KE NEGARA-NEGARA DI AFRIKA DAN AFGHANISTAN.--LAGI 1945/PA

ZCZC B653

MAHATHIR-RUSSIA 2 BANGI

KATANYA MALAYSIA TIDAK DAPAT MENERIMA SEBARANG BENTUK PENCEROBOHAN NEGARA ASING TERHADAP KEDAULATAN NEGARA LAIN DENGAN ALASAN UNTUK MENOLONG NEGARA TERSEBUT MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH.

+ALASAN ITU TIDAK DAPAT DITERIMA LANGSUNG+ TAMBAH NYA.

MENGENAI BANTUAN YANG DIHULURKAN OLEH MALAYSIA KEPADA KERAJAAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA PIMPINAN PUTERA NORODOM SIHANOUK, BELIAU BERKATA SETAKAT INI MALAYSIA TELAH PUN MEMBIAYAI MAKANAN ORANG-ORANG PELARIAN KAMPUCHEA YANG MENDERITA AKIBAT PERSENGKETAAN TERSEBUT.

+MALAYSIA JUGA AKAN TERUS MENIMBANGKAN BANTUAN-BANTUAN LAIN SEPERTI BEKALAN UBAT UNTUK ORANG-ORANG PELARIAN ITU ATAS DASAR PERI KEMANUSIAAN,+ KATANYA.

MENGENAI PENGIRIMAN SENJATA OLEH AMERIKA SYARIKAT KE THAILAND, PERDANA MENTERI BERKATA, SENJATA TERSEBUT IALAH YANG DIBELI OLEH THAILAND UNTUK MENGUKUHKAN PERTAHANANNYA. -- LAGI 1951/PA

MAHATHIR-RUSSIA 3 BANGI

+PERKARA ITU BUKAN BERERTI, CAMPUR TANGAN AMERIKA SYARIKAT DALAM URUSAN ITU KERANA THAILAND MENDAPAT APA YANG DIBELINYA DAN PERKARA ITU JUGA TIDAK BOLEH MENJADI ALASAN BAGI VIETNAM MENCEROBOH KAWASAN THAILAND KERANA DALAM SOAL INI VIETNAMLAH YANG MEMULAKAN SEGALA-GALANYA,+ KATANYA.

MENGENAI PENDIRIAN INDIA DALAM PERTIKAIRAN DI INDOCHINA ITU, BELIAU BERKATA SOAL ITU ADALAH HAK MUTLAK NEGARA TERSEBUT.--BERNAMA 2000/PA